

Laut kita, siapa yang untung? m/s 4

TAHNIAH kepada wartawan akhbar ini yang ikut operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk bongkar cerita nelayan asing. Selama lima hari wartawan *Sinar Harian* lihat sendiri bagaimana penyamun siang ini beroperasi.

Awang terkejut bila Menteri Pertanian dan Asas Tani berkata, kerugian pada negara akibat perbuatan mereka ini lebih RM5 bilion setahun.

Sangatlah pelik bagaimana hal ini boleh berlaku. Laut milik kita tapi yang kaut untung orang lain. Ini sekali lagi ada kaitannya dengan agensi penguat kuasa kita.

Awang rasa sama ada mereka tak cukup kakitangan, kurang peralatan atau memang ada isu tidak amanah.

Awang juga diberitahu bahawa kementerian itu dulu banyak bagi permit laut dalam pada nelayan tempatan tapi

permit itu disewa atau dijual pada orang-orang Vietnam, Thailand atau Indonesia.

Awang nak gesa Tuk Seri Sallehudin Ayub supaya bertindak tegas dalam hal permit ini. Awang cadangkan batalkan serta-merta semua permit.

Semak juga cara pemberian permit. Bagi pada nelayan tulen, bukan pada kroni politik macam dulu.

Awang juga dengar cerita bahawa ada nelayan yang tangkap ikan di perairan kita tapi jual pada peraih asing di tengah laut. Akibatnya ikan kita yang segar pergi ke tempat lain. Kita pula bawa masuk ikan dari luar.

Kerajaan bagi macam-macam subsidi kepada nelayan tetapi harga ikan melambung juga di pasaran. Mana tidaknya, laut kita orang lain sapu bersih ikannya.